



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR KEKALKAN AWARD TAGS BERHUBUNG GANGGUAN SEKSUAL MELIBATKAN PENYEBARAN IMEJ INTIM TANPA KEBENARAN

PUTRAJAYA, 10 JUN 2026 - Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) mencatat satu pencapaian penting apabila Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 10 Jun 2026 telah mengekalkan Award TAGS bertarikh 1 Ogos 2024 berhubung satu aduan gangguan seksual melibatkan penyebaran imej intim Pengadu tanpa kebenaran melalui media sosial oleh Responden, iaitu bekas teman lelaki Pengadu.

Melalui Award tersebut, TAGS telah memerintahkan Responden untuk membuat pernyataan permohonan maaf secara bertulis kepada Pengadu, menghadiri sesi kaunseling dan membayar ganti rugi sebanyak RM60,000 kepada Pengadu.

Keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ini memperkukuh peranan TAGS sebagai mekanisme keadilan yang cepat, mudah dan berkesan dalam memberikan remedi kepada mangsa gangguan seksual, termasuk gangguan seksual secara digital.

TAGS telah ditubuhkan pada 8 Mac 2024 di bawah KPWKM selaras dengan Seksyen 3 Akta Antigangguan Seksual 2022 atau juga disebut sebagai Akta 840. TAGS menyediakan satu saluran alternatif kepada mahkamah sivil bagi mendengar dan memutuskan aduan gangguan seksual yang berlaku di Malaysia pada atau selepas 8 Mac 2024. Penubuhan Tribunal ini merupakan satu langkah penting dalam usaha negara memperkukuh perlindungan terhadap mangsa gangguan seksual serta mewujudkan masyarakat yang lebih selamat dan bermaruah.

Sehubungan itu, mangsa gangguan seksual sama ada secara lisan, bukan lisan, secara visual, secara isyarat mahupun secara fizikal diseru untuk tampil membuat aduan kepada TAGS. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang awam boleh menghubungi Talian Kasih 15999, WhatsApp 019-2615999 atau melayari portal rasmi TAGS di tags.kpwkm.gov.my/portal.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
10 JUN 2026**